

Pembangunan UMS RM420 juta ikut jadual

NST 6/7/2011 2

OLEH MIZRON
MARALANG
mizron@newsabah-
times.com.my

KOTA KINABALU: Projek pembangunan Universiti Malaysia Sabah (UMS) bernilai RM420 juta siap mengikut masa yang telah ditetapkan.

Menurut Naib Canselor UMS, Datuk Seri Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon, pihak kerajaan telah membelanjakan hampir RM3 bilion untuk pembangunan fizikal UMS dalam Rancangan Pembangunan Malaysia iaitu ke-7, 8, 9 dan 10 semenjak ianya ditubuhkan lebih 15 tahun lalu.

Katanya, pencapaian pembangunan UMS ini tidak datang bergolek tanpa komitmen yang tinggi daripada pemimpin negara dan negeri, komitmen aktif yang dimainkan oleh agensi-agensi pusat seperti KPT, Kementerian Kewangan (MOF), EPU dan JKR serta sokongan agensi-agensi kerajaan negeri dan peranan aktif pihak konsultan dan kontraktor pembinaan untuk menyiapkan pembinaan dalam masa yang ditetapkan.

"Pelaburan besar dalam pembangunan kampus ini telah memberi impak yang besar kepada pembangunan pendidikan tinggi di negara ini, khususnya Sabah dengan penghasilan seramai 30,000 graduan setakat ini bagi memenuhi keperluan modal insan berpendidikan tinggi negara.

"Di samping itu, lebih kurang RM200 juta dibelanjakan setiap tahun semenjak tahun

1999, sebagai perbelanjaan mengurus universiti ini. Ini bermaksud lebih kurang 2,000 juta telah dibelanjakan setakat ini sebagai pemangkin kepada pembangunan setempat seperti kewujudan Bandar-bandar baru, peningkatan prasarana seperti jalan raya yang lebih baik dan sebagainya di kawasan berekatan dengan UMS.

Beliau berkata demikian ketika Majlis Penyerahan Bangunan Dewan Kuliah Pusat, Pusat Pasca Siswazah, dan Sekolah Perubatan di Auditorium Pascasiswazah, UMS di sini, kelmarin.

Dr. Kamaruzaman berkata, bangunan Pusat Pascasiswazah yang baru ini menyediakan kemudahan ruang yang selesa dan peralatan yang terkini agar dapat melancarkan pengurusan, pembelajaran dan pengajaran kakitangan akademik dan pelajar Pascasiswazah.

Bangunan ini menyediakan kemudahan-kemudahan terkini kepada pelajar pascasiswazah seperti bilik karol, bilik viva, bilik seminar, auditorium serbaguna, pusat sumber, makmal teknologi maklumat, bilik pensyarah dan ruang pejabat pentadbiran.

"Bangunan Sekolah Perubatan di atas tapak seluas 38 ekar dan kos sebanyak RM259 juta ini pula sudah pastinya membolehkan Sekolah Perubatan mengeluarkan lebih ramai graduan bagi keperluan negara khususnya negeri ini, selain memberikan keselesaan kepada kakitangannya untuk bekerja lebih produktif," katanya.

Sementara itu, Ketua Setiausaha Kementerian Penga-

jian Tinggi Malaysia, Datuk Ab. Rahim Md Noor berkata, semua kemudahan yang ada di ketiga-tiga projek yang telah siap ini perlulah dimanfaatkan dengan sebaik mungkin dan pihak kementerian amat berterima kasih dan berpuas hati atas hasil kerja kualiti pembinaan kerja yang telah disiapkan.

Beliau juga berharap agar tempat yang indah serta canggih ini dapat melahirkan siswa dan siswazah yang hebat dalam pelbagai bidang.

"Saya ingin melihat bangunan-bangunan yang telah siap ini menjadi sebuah institusi yang terulung dan menjadi kemegahan kepada setiap orang yang menjayakan pembinaan projek ini.

"Pada masa yang sama, menjadi kemegahan kepada setiap orang yang berpeluang mengikuti pengajaran disini," katanya.

Pengarah Cawangan Pendidikan dan Pengajian Tinggi, Jabatan Kerja Raya Malaysia, Tuan Ir. Mamman K.T. George, pula berkata JKR merasa bangga kerana telah diberikan kepercayaan bagi melaksanakan 4 projek utama untuk pembangunan kampus UMS dalam Rancangan Malaysia Ke 9.

Katanya, pakej tersebut adalah Pembinaan Institut Penyelidikan Bioteknologi dan Pusat Multimedia UMS, Pembinaan Dewan Kuliah Pusat dan Pasca Siswazah UMS, Pembinaan Sekolah Perubatan UMS dan Pembinaan Sekolah Pertanian Lestari UMS Kampus Sandakan.

"Kejayaan pembinaan



SUDAH SIAP ... Ir. Maman (kanan) menyampaikan replika kunci kepada Dr. Kamaruzaman (kiri) yang menandakan penyerahan projek yang telah siap kepada pihak UMS di Auditorium Pascasiswazah, UMS kelmarin.

projek-projek ini menjadi kenyataan disebabkan dengan adanya komitmen yang tinggi dari semua peringkat pengurusan yang melibatkan pegawai-pegawai JKR, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Universiti Malaysia Sabah, kontraktor dan perund-

ing yang terlibat secara langsung dengan projek ini," katanya.

Hadir sama pada majlis itu adalah Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Dato Rohani Abdullah, Setiausaha Bahagian (Pembangunan) Ke-

menterian Pengajian Tinggi Malaysia, Dato Ir. Hj. Mahamed Hussain, pegawai-pegawai UMS, pegawai-pegawai kanan Kementerian Pengajian Tinggi, pegawai-pegawai Kanan Jabatan Kerja Raya Malaysia dan dekan-dekan serta ketua-ketua jabatan.